



JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 2 (8)

11 Jamadilakhir 1429H/  
15 Jun 2008M

**Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 7 Tahun 2008  
Borang Merafa'kan Kes Daripada Mahkamah Rendah Syariah  
Ke Mahkamah Tinggi Syariah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2008 pada 11 Jamadilakhir, 1429H bersamaan 15hb. Jun 2008 telah bersetuju dan mengesahkan bahawa bagi tujuan penyelarasan dalam menggunakan kehendak seksyen 93 Akta/ Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang melibatkan kes yang dirafa' dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menggunakan format seperti dilampiran.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 26 Julai 2010.

**(Tan Sri Ibrahim Lembut)**  
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

(Borang Rafa' Kes)

**[Seksyen 93]**  
**Akta/ Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah**

Kepada,

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan/Puan,

**Merafa' Kes Ke Mahkamah Tinggi Syariah.**

Setelah diteliti saya berpuashati bahawa kes ini adalah dalam kausa tindakan Mahkamah Tinggi Syariah dan selaras dengan kehendak seksyen 93 *Akta / Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah* dirafa'kan kes ini untuk mendapatkan perintah perpindahan sewajarnya.

2. .... bersama ini disertakan fail berkenaan untuk perhatian Y.A.

( NAMA HAKIM )  
DAERAH/KAWASAN